

# PM kesal usaha tambah ilmuwan Melayu terjejas

20 JUL 1999

**G**URUN 19 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana usaha kerajaan untuk menambah bilangan cerdik pandai Melayu dalam bidang ilmu dan teknologi terjejas akibat keghairahan parti politik menghasut dan mempengaruhi pelajar universiti membenci kerajaan.

Perbuatan pembangkang itu, kata Perdana Menteri, menyebabkan pelajar lebih berminat kepada politik daripada menumpukan pemikiran dan masa terhadap ilmu sehingga pencapaian akademik mereka merosot.

"Ekoran itu, hampir tidak ada penuntut Melayu yang mendapat kelulusan baik kelas satu dan dua kerana diganggu dan dihasut sehingga tidak boleh belajar," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas melancarkan motosikal nasional kedua, 'Modenas Jaguh' di kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd., (Modenas) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau mempunyai bukti beberapa pensyarah dan tokoh politik pembangkang meng-

hasut pelajar universiti supaya menentang kepimpinannya dan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, beliau mendapat satu salinan mengenai ucapan seorang pensyarah universiti yang mengajar sejarah Islam dan membandingkan kerajaan Firaun dan Namrud dengan kerajaan pimpinannya sekarang.

"Saya dipanggil sebagai Mahafiraun. Inilah ajaran orang yang berpengetahuan agama sedangkan dalam Islam adalah jelas tidak boleh menyamakan seseorang itu dengan Firaun kerana jika berbuat demikian orang itu akan jadi Firaun," ujarnya.

Ditanya kemungkinan kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kegiatan tersebut, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian, sebaliknya akan membiarkan mereka terus bercakap mengenai perkara itu.

"Kita akan buktikan kepada rakyat bahawa kita membuat pelbagai perkara untuk rakyat berbanding pembangkang yang hanya tahu mengkritik sahaja," ujarnya.

Beliau berkata, masalah

itu berlaku di kesemua universiti di negara ini, khususnya Universiti Islam Antarabangsa (UIA), yang dibina untuk mewujudkan muslim yang baik.

"Tetapi malangnya mereka didorong ke arah politik oleh seorang yang pernah menjadi rektor universiti itu suatu waktu dahulu," kata Perdana Menteri.

## Tindakan

Menurutnya, walaupun tindakan pihak-pihak tertentu itu menyalahi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), kerajaan tidak boleh mengambil tindakan kerana dunia akan berkata, 'kita tidak mempunyai kebebasan berpolitik'.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, kerajaan akan cuba mengadakan pertemuan dengan para pelajar ini kerana masih ada lagi yang berfikiran terbuka dan boleh menerima pandangan kerajaan.

Menurutnya, keadaan di kampus mungkin menjadi lebih 'teruk' sekiranya para pelajar ini tidak diberi kesedaran segera mengenai tujuan sebenar mereka ke universiti.

"Kebanyakan pelajar tertutup fikiran, mereka dipengaruhi sepenuhnya oleh orang-orang ini yang sering bersama-sama siang dan malam...sebab itulah pelajar ini mendakwa kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk mereka," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak boleh menghabiskan masanya di universiti untuk mempengaruhi pelajar kerana mereka ke sana untuk belajar.

"Jika kita ke sana untuk mempengaruhi pelajar, kita mungkin mengganggu mereka tetapi pembangkang masuk mempengaruhi mereka dengan pelbagai propaganda politik," katanya.

Keadaan ini, menurut Dr. Mahathir, menyebabkan para pelajar tidak cukup tidur dan tidak dapat belajar dengan sempurna sehingga menjejaskan pencapaian akademik mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengapa pelajar-pelajar itu menentangnya kerana semasa pentadbirannya banyak pelajar mendapat biasiswa.

"Ada pelajar di Amerika dan England juga dipengaruhi oleh pembangkang dan

bila pulang sebagai doktor, peguam dan jurutera. mereka menyertai kumpulan yang menentang kerajaan," katanya.

Sementara itu, dalam satu majlis di Alor Setar pula, Perdana Menteri meminta ibu bapa menasihati anak-anak mereka yang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) tidak terpengaruh dengan hasutan parti pembangkang supaya membenci kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan hairan dengan tindakan pelajar itu kerana biasiswa dan segala kemudahan untuk mereka belajar disediakan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau bersedia dikritik tetapi bukan dituduh sebagai Firaun kerana beliau tidak membunuh kanak-kanak lelaki dan membiarkan anak-anak perempuan sahaja yang hidup seperti yang dilakukan oleh Firaun.

Sehubungan itu beliau meminta ibu bapa menyedarkan anak-anak mereka tentang pembangunan yang mereka nikmati hasil daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan selama ini.